

16/12/1997

Jepun diminta main peranan pulih ekonomi Asia

MALAYSIA mahu Jepun memainkan peranan proaktif dalam memulihkan ekonomi negara Asia yang terjejas akibat spekulasi mata wang sejak beberapa bulan lalu.

Perkara itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto dalam pertemuan dua hala mereka, semalam.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata selaku pemimpin serantau, Jepun memainkan peranan penting dalam membantu pemulihan ekonomi di rantau ini.

Sehubungan itu, beliau berkata Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean dengan tiga rakan dialog serantau dijangka mengkaji usul pembabitan Jepun dalam memulihkan ekonomi negara Asia.

"Apa yang jelas ialah Jepun adalah salah satu negara utama yang diharapkan boleh membantu kita. Mereka perlu memainkan peranan proaktif dalam mengatasi masalah ini, walaupun menghadapi masalah sendiri.

"Kita tidak memerlukan (bantuan) wang... hanya usaha tambahan dalam bentuk lain," katanya kepada pemberita selepas mengiringi Dr Mahathir mengadakan pertemuan selama 30 minit dengan Hashimoto, semalam.

Rafidah berkata, kedua-dua pemimpin itu bersetuju bantuan yang diberikan oleh Tabung Kewangan Sedunia (IMF) kepada negara yang terjejas akibat krisis mata wang itu, gagal memulihkan keadaan.

"Sebaliknya, masalah kewangan yang dihadapi negara berkenaan terus menjadi serius... Sehubungan itu, perlu ada usaha untuk mengkaji asas sebenar masalah terbabit," katanya.

(END)